

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. PROFESOR  
DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR  
NAIB  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA  
MAJLIS MENANDATANGANI  
MEMORANDUM PERJANJIAN  
ANTARA  
YAYASAN TM DAN KOLEJ PENGAJIAN  
KEJURUTERAAN UiTM SHAH ALAM**

**20 JULAI 2023 | KHAMIS | 3.00 petang**

**BANGUNAN CANSELERI, UiTM SHAH ALAM**

**Bismillahirrahmanirahim**

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN  
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL  
ANBIYAAI WAL MURSALIIN  
WA 'ALAAALIHI WASOHBIBI AJMA'IN.**

**(Senarai saluti akan dilampirkan)**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Selamat sejahtera, Salam UiTM di Hatiku dan  
Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul di sini pada hari ini bagi menjayakan majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) di antara pihak Yayasan TM dan juga Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK), Universiti Teknologi MARA.

2. Pertamanya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Yayasan TM khususnya kepada Puan Ainol Shaharina Sahar, Pengarah

Yayasan TM atas inisiatif murni Yayasan TM menyediakan platform kepada universiti untuk turut serta dalam pembangunan komuniti dan impak sosial.

3. Pada petang ini kita sama-sama menandatangani perjanjian persefahaman yang membolehkan kita melaksanakan projek-projek pembangunan komuniti secara bersama. UiTM amat berterima kasih kepada Yayasan TM kerana menyumbangkan RM250,000 menerusi tajaan geran Impak Sosial kepada para pensyarah dan pelajar dari Pengajian Kejuruteraan Awam, KPK untuk menjayakan program pemerksaan komuniti di luar bandar.

4. Yayasan TM telah merancang pelaksanaan program **Rural Empowerment and Community Help** atau singkatannya (REaCH) untuk membantu pemerksaan komuniti luar bandar. Melalui kerjasama yang dijalin ini, UiTM turut terlibat dengan memberi sumbangan kepakaran, kemahiran dan pengetahuan untuk sama-sama membantu komuniti tersebut.

5. Program REaCH ini memfokuskan kepada pembinaan kapasiti kesedaran, pengetahuan dan kemahiran bagi mencapai matlamat tiga agenda kelestarian merangkumi pemantapan sosial dan ekonomi di samping mengekalkan kelestarian alam sekitar khususnya bagi komuniti luar bandar.

6. Setiap aktiviti di dalam program pemeraksanaan komuniti REaCH ini direka dengan menyantuni hasrat negara ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan atau **Sustainable Development Goals** (SDG) merangkumi aspek sosial, ekonomi dan juga alam sekitar.

7. Jika dilihat di bandar-bandar utama khususnya, terdapat pelbagai usaha dan program kesedaran sedang giat dilaksanakan bagi mencapai matlamat SDG ini.

8. Saya ingin menyampaikan penghargaan kepada kumpulan pensyarah KPK yang mengambil pendekatan holistik dengan meluaskan agenda ini ke

luar bandar. Saya percaya satu bentuk model pembangunan komuniti yang inklusif mestilah mencapai pembangunan secara menyeluruh dengan mengambil kira semua kelompok masyarakat.

9. Saya juga difahamkan rangka kerja dalam program REaCH ini juga direka secara komprehensif dan menerapkan pembudayaan pengetahuan yang meliputi tiga teras utama iaitu pemeraksanaan ekonomi, pemeraksanaan sosial dan kelestarian alam sekitar.

10. Antara program yang dijalankan merangkumi seminar keusahawanan dan penganugerahan insentif keusahawanan, aktiviti pemeraksanaan wanita, pemeriksaan kesihatan, kaunseling dan juga aktiviti penubuhan kebun komuniti, penubuhan pusat kitar semula, kursus pertanian dan kelas penggunaan tenaga solar. Di samping itu, pelbagai kempen, ceramah dan pertandingan bagi mempromosikan kesedaran tentang pentingnya pemeliharaan biodiversiti dan penggunaan yang bijak terhadap sumber daya alam juga dilancarkan.

## **Hadirin yang dihormati sekalian,**

11. UiTM sebagai salah satu universiti awam terbesar di Malaysia ingin meluaskan manfaatnya dengan menjayakan pelbagai aktiviti yang mampu memberi impak positif kepada masyarakat setempat melalui projek komuniti yang membabitkan komuniti setempat bagi manfaat komuniti sekitar.

12. Sehubungan itu, kerjasama di antara Yayasan TM dan UiTM ini adalah satu contoh bagaimana libatsama antara universiti dan pihak swasta dapat dijalankan dengan berkesan untuk memenuhi keperluan komuniti demi mencapai matlamat kelestarian alam sekitar dan pembangunan mampan.

13. Saya berharap dengan jalinan yang terbina ini dapat mengukuhkan lagi kerjasama sedia ada dan akan turut membuka peluang-peluang baru pada masa akan datang demi memartabatkan pemerksaan komuniti dan pembinaan kapasiti kesedaran, pengetahuan dan kemahiran ke tahap yang lebih tinggi.

14. Akhir kata, sekali lagi sekalung penghargaan dan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur majlis, barisan pengurusan kanan Kolej Pengajian Kejuruteraan, kumpulan pensyarah yang menjayakan jaringan kerjasama bersama pihak Yayasan TM serta semua pihak yang telah menjayakan majlis kita pada hari ini.

**Sekian,**

**Wabillahitaufik walhidayah, wasalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.**